

Rayu PM campur tangan isu beras tempatan 'hilang'

UTUSAN MALAYSIA 02 APR 2024

m/s: 6

Oleh ASLINDA NASIR

aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR : Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu segera campur tangan berhubung isu ketiadaan beras putih tempatan dalam pasaran sehingga kini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Persatuan Beras Bumi-putera Malaysia (Barim), Ismail Awang berkata, masalah yang berlaku sejak setahun lalu ini sepatutnya sudah diselesaikan sebaik sahaja Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) membuat ketetapan pada 19 Mac lalu.

Namun, jelasnya, isu keti-

adaan beras putih tempatan masih berterusan sehingga kini dan menjadi bebanan kepada rakyat lebih-lebih lagi ia merupakan keperluan utama menjelang Hari Raya Aidilfitri pada minggu hadapan.

“Perdana Menteri perlu campur tangan sebab dari segi kementerian untuk menguruskan peratusannya memang gagal. Ini bukan perkara baharu, masalah ini sudah setahun dan masih tidak selesai sehingga hari ini. Kenapa penguat kuasa agak lemah?”

“Jika kementerian masih tidak dapat selesaikan masalah ini, satu-satunya yang kita boleh harapkan adalah Perdana Men-

teri, tidak ada orang lain lagi,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Baru-baru ini, mesyuarat NACCOL yang dipengerusikan Perdana Menteri memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan serta-merta.

Selain itu, harga jualan runcit Beras Putih Import (BPI) turun antara RM2 hingga RM3, namun tiada harga siling ditetapkan bagi beras berkenaan.

Sebelum ini, Datuk Seri Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal selaku Ketua Petugas Khas

Pemantauan Kluster Makanan NACCOL berkata, pihaknya akan menghantar laporan bertulis kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) bagi tindakan diambil terhadap kerajaan yang gagal patuh arahan Perdana Menteri berkait isu pengedaran beras putih tempatan (BPT).

Syed Abu Hussin berkata, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan B\beras perlu ‘menjawab’ berhubung 14 juta kampak BPT yang ‘tidak kunjung tiba’ di pasaran.

Mengulas lanjut, Ismail turut membuat pemantauan bagi melihat sama ada beras putih tempatan sudah berada dalam pasar raya atau sebaliknya.

“Saya sendiri sudah pergi ke kawasan Puchong, Temerloh di Pahang, beras putih tempatan ini tiada. Bila pemborong tidak mendapat bekalan daripada pembekal, bagaimana kita nak bungkus beras putih tempatan? Seperti mana Syed Abu Hussin Hafiz sebut tentang kegagalan di pihak pengu-rusan kementerian, maknanya di situ ada asas.

“Itu yang kita nampak dari segi rasional. Jadi, pada pandangan Barim mengenai kenyataan NACCOL yang menyebut kedudukan ketua pengarah perlu dikaji semula, kita menyambut baik mengenai pandangan itu,” ujarinya lagi.